

# ISU PALESTIN DAN PERJUANGAN KEAMANAN SEJAGAT

Oleh: Wan Roslili Abd. Majid dan Norhanizah Ismail



**K**ezaliman serta penindasan telah sekian lama mengheret langkah pejuang-pejuang malang dan rakyat Palestin yang tidak berdosa. Antara isu penting yang sering ditimbulkan dalam perjuangan dan penderitaan rakyat Palestin ini ialah bantuan yang paling diharapkan daripada umat Islam di seluruh dunia. Sebagai saudara seagama, umat Islam sedunia menggalas tanggungjawab moral dan sosial bagi membantu memulihkan konflik serta kekejaman yang dilakukan terhadap saudara mereka. Bagaimana pula tentang perjuangan bagi mewujudkan keamanan sejagat? Apakah harapan baginya dengan situasi serta

pergolakan yang berlaku berkaitan dengan isu nuklear Iran, Korea Utara dan negara-negara lain yang terus mewarnai dunia politik antarabangsa. Bagi mengupas persoalan ini, krew majalah *VISI* telah menemu bual Dr Chandra Muzaffar, Presiden Pertubuhan Pergerakan Keadilan Sedunia (JUST) yang juga seorang aktivis keamanan yang begitu gigih memperjuangkan isu keamanan serta keadilan sejagat.

***VISI*: Menyentuh mengenai perjuangan Palestin yang turut mempengaruhi perjuangan pergerakan Islam di dunia, adakah selagi isu**

**Palestin tidak diselesaikan dengan seadil-adilnya, maka kuasa besar barat akan gagal menerima pengiktirafan umat Islam?**

**Dr Chandra:** Isu Palestin merupakan isu penting bagi umat Islam dan ia kelihatan seolah-olah tidak mempunyai penyelesaian. Reaksi yang ditunjukkan kepada Israel dan negara-negara yang menyokong Israel sentiasa sahaja negatif. Umat Islam sedunia begitu prihatin terhadap isu Palestin kerana pertama, ia merupakan isu agama kerana Baitul Maqdis merupakan bandar atau kota yang suci, selepas Mekah al-Mukarramah dan Madinah al-Munawwarah. Kedudukan ini juga dikaitkan dengan al-Quran.

Selain itu, ketidakadilan terhadap rakyat Palestin juga bersifat luar biasa. Ia tidak pernah berlaku pada mana-mana bangsa di dunia. Ratusan ribu nyawa rakyat Palestin dibunuh sementara yang lain dipenjarakan selain berjuta-juta lagi menjadi pelarian di serata negara dan tanah air mereka dirampas. Ketidakadilan ini lebih ketara dalam perkara-perkara yang tertentu. Sebenarnya masyarakat Yahudi yang berada di baratlah yang sangat mengharapkan penubuhan negara Israel dan bukannya masyarakat Yahudi yang berada di serata negara lain di dunia yang kini hidup aman damai bersama-sama dengan masyarakat Islam dan Kristian. Sekitar tahun 30-40-an, suatu kezaliman telah dilakukan terhadap masyarakat Yahudi. Lebih kurang tiga hingga empat juta orang Yahudi dibunuh dengan kejam oleh bangsa Eropah dan perbuatan ini tidak sama sekali mempunyai hubungan dengan umat Islam. Namun, hari ini, bangsa Yahudi menindas umat Islam dengan kejam, khususnya di Palestin yang tidak sama sekali mempunyai rekod atau sejarah menindas serta menzalimi mereka. Ini seolah-olah menunjukkan umat Islam sentiasa menjadi sasaran meskipun mereka tidak pernah melakukan kesalahan tersebut.

**VISI: Apakah pandangan tuan tentang sandiwara barat dalam isu-isu yang kononnya diperjuangkan oleh mereka dan juga ketidakadilan terhadap Palestin? Adakah dunia Islam telah melaksanakan peranan dengan sebaik-baiknya dalam isu penindasan serta ketidakadilan terhadap Palestin?**

**Dr Chandra:** Pemimpin-pemimpin barat sering menghebahkan dan mengakui kononnya sentiasa memperjuangkan keadilan, hak asasi manusia dan sebagainya. Jika mereka tidak boleh berlaku adil kepada masyarakat Palestin, apakah maknanya cogan kata mereka dan apa pula makna cita-cita yang dilaungkan mereka. Ini menunjukkan mereka tidak begitu serius. Merujuk kepada dunia Islam, mereka sememangnya gagal dalam memainkan peranan dengan sewajarnya. Jika dirujuk dan dikaji dengan mendalam sikap negara-negara Islam, khususnya pemimpin-pemimpinnya, kita akan mendapati bahawa mereka menyokong perjuangan rakyat Palestin secara lisan dan menganggapnya sebagai perjuangan yang suci. Ini khususnya kerana rakyat mereka mahu menyokong perjuangan rakyat Palestin. Selain sokongan secara lisan, negara-negara Islam, terutamanya yang kaya seperti Arab Saudi dan Kuwait turut menghulurkan bantuan kewangan. Di samping itu, bantuan dari sudut diplomatik juga diberikan kepada Palestin. Negara-negara Islam yang menganggotai Majlis Keselamatan PBB pula sering mengusulkan resolusi bagi menyokong rakyat Palestin. Selain sokongan lisan, moral dan kewangan, umat Islam secara umumnya gagal membantu Palestin.

Ini kerana, sebagai penyokong utama dan penaung Israel, Amerika Syarikat pasti akan melakukan sesuatu yang mungkin menjejaskan kepentingan rakyat Palestin. Misalnya dengan mencadangkan Perjanjian Oslo pada tahun 1993. Perjanjian Oslo ini ternyata berat sebelah dan lebih menguntungkan Israel. Dalam perjanjian itu, tidak dinyatakan sempadan negara Palestin. Begitu juga tentang kedudukan Baitul Maqdis serta pelarian-pelarian Palestin yang seramai 50 juta orang itu. Walau bagaimanapun, negara-negara Arab menyokong Perjanjian Oslo kerana Amerika Syarikat mahu mereka berbuat demikian. Dalam konteks sengketa Israel-Palestin, jika Amerika Syarikat mahu supaya negara-negara Islam membisu atau dalam isu-isu yang lain pula mereka diarahkan supaya tidak lantang bersuara, maka arahan atau kehendak itu akan dituruti. Sebagai contoh ialah sekatan yang dikenakan atas rakyat Palestin yang menyebabkan penderitaan dan kesengsaraan serta menekan kehidupan mereka. Walaupun negara-negara Islam

yang berjiran dengan Palestin menyuarakan pandangan dan sebagainya tetapi kerajaan mereka tidak dapat melakukan sesuatu yang konkrit yang boleh memanfaatkan rakyat Palestin dalam keadaan yang begitu terdesak.

Mengapakah negara-negara Islam melalui OIC atau daya utama masing-masing, tidak boleh menggembelng tenaga umat Islam dan manusia keseluruhannya untuk melenyapkan penderitaan rakyat Palestin akibat kezaliman negara barat kepada kerajaan Hamas? Kenapa tidak diusahakan agar setiap anggota ummah menderma 1 dolar AS bagi mengumpulkan dana? Mengapakah negara-negara Islam melalui OIC, tidak melakukan sesuatu yang tegas dan konkrit atau meminta agar negara-

Sebahagian besar negara ISLAM jelas memihak kepada Amerika Syarikat. Majoriti negara ISLAM dan ARAB seperti ARAB SAUDI, KUWAIT, MESIR, JORDAN, termasuk LIBYA, memihak kepada Amerika Syarikat. Amerika Syarikat mungkin dianggap sebagai kuasa besar yang tunggal dan mereka tidak mahu melakukan sesuatu yang mungkin akan menimbulkan kemarahannya.

negara pengeluar minyak menggunakan minyak sebagai senjata atau juga mengancam untuk memboikot sehingga boleh menakutkan Amerika Syarikat? Hakikatnya, mereka tidak berani melakukan semuanya ini. Ini bermakna, jika sesuatu perkara bertentangan atau mencabar kepentingan mereka, mereka berasa bimbang dan takut untuk bertindak. Ini berbeza dengan tindakan menghulurkan sedikit bantuan yang tidak akan menimbulkan kemarahan dan boleh diterima oleh Amerika Syarikat.

**VISI:** Adakah ini mempunyai kaitan dengan ketiadaan kepemimpinan yang benar-benar tegas dalam OIC?

**Dr Chandra:** Ia lebih daripada soal kepemimpinan. Sebahagian besar negara Islam jelas memihak kepada Amerika Syarikat. Majoriti negara Islam dan Arab seperti Arab Saudi, Kuwait, Mesir, Jordan, termasuk Libya, memihak kepada Amerika Syarikat. Amerika Syarikat mungkin dianggap sebagai kuasa besar yang tunggal dan mereka tidak mahu melakukan sesuatu yang mungkin akan menimbulkan kemarahannya. Ini berkemungkinan disebabkan mereka bergantung pada Amerika Syarikat misalnya untuk melindungi takhta mereka. Sebagai contoh di negara-negara teluk, persoalan yang paling penting ialah takhta kerana mereka bukan merupakan negara-negara yang demokratik selain tidak mengadakan pilihan raya dan sebaliknya diperintah atau dipimpin oleh raja. Presiden-presidennya pula tidak dipilih secara demokratik dan ini sebagaimana yang berlaku kepada Presiden Hosni Mubarak dari Mesir. Kita dapat melihat raja-raja di semua negara ini tidak terikat pada perlembagaan. Beberapa buah negara di dunia Arab atau presiden-presiden yang tidak dipilih, melakukan apa juga yang dikehendaki walau tidak disukai oleh rakyat mereka dan mengamalkan pemerintahan secara kuku besi. Hakikatnya pula, mereka bergantung pada Amerika Syarikat untuk melindungi diri daripada rakyat mereka sendiri.

**VISI:** Apakah penerimaan masyarakat negara ini terhadap komitmen negara membantu kerajaan demokratik Palestin dan rakyatnya?

**Dr Chandra:** Negara dan rakyat Malaysia sememangnya menyokong perjuangan kerajaan serta rakyat Palestin. Namun, sokongan atau bantuan dalam bentuk kewangan seperti mewujudkan dana atau tabung khas belum diwujudkan bagi membantu rakyat Palestin. Ini berkemungkinan disebabkan bantuan kewangan terhadap rakyat Palestin membabitkan isu politik. Berbeza pula dengan tragedi Tsunami yang melanda negara-negara Asia pada akhir tahun 2004 yang melibatkan isu kemanusiaan. Kita dapat melihat

begitu banyak bantuan yang diterima oleh negara-negara terbabit. Lebih menyedihkan, jika pun ada bantuan yang dihantar bagi meringankan penderitaan rakyat Palestin, ia disekat oleh Israel di sempadan. Rakyat Palestin yang telah sedia tertindas, kini lebih-lebih lagi menderita dan sengsara. Justeru, kita memerlukan tindakan yang lebih bermakna. Rakyat Malaysia pasti akan berusaha membentuk dana yang besar untuk menghulurkan bantuan. Kita mesti melakukan sesuatu, lebih-lebih lagi kerana Malaysia merupakan Pengerusi OIC.

### **VISI: Wujudkan kemungkinan meletusnya perang terhadap Iran?**

**Dr Chandra:** Ini tidak dapat dipastikan. Selepas pengalaman pahit yang dialami oleh Amerika Syarikat di Iraq dan keadaan kucar-kacir yang berlaku di Iraq selepas perang, Amerika Syarikat mungkin berfikir berkali-kali untuk mengulangi kesilapan yang sama. Berbalik pada keadaan masyarakat Iraq, jelas bahawa penderitaan yang dialami oleh mereka jauh lebih hebat berbanding dengan zaman pemerintahan Saddam Hussein. Kita dapat melihat di Iraq kini, pembunuhan berlaku setiap hari, pengangguran meningkat dan keselamatan diri serta kelangsungan kehidupan tidak terjamin. Amat menyedihkan kerana sebelumnya, iaitu ketika Saddam Hussein memerintah, penduduk Iraq sekurang-kurangnya mempunyai makanan dan kemudahan-kemudahan asas. Dengan keadaan kucar-kacir di Iraq dan Amerika Syarikat tidak dapat mencapai matlamatnya, Perdana Menteri Iraq, Nuri al-Maliki hanya dimaklumi tentang kunjungan Presiden Bush lima minit sebelum ketibaannya. Belum pernah berlaku dalam sejarah dunia dan manusia, seorang ketua negara dimaklumi tentang kunjungan seorang ketua negara yang lain dalam tempoh sesingkat ini. Ini menunjukkan bahawa Amerika Syarikat begitu bimbang akan masalah keselamatan.

Kesimpulannya dapat dikatakan bahawa keadaan di Iraq tidak membenarkan Amerika Syarikat melakukan serangan dan pencerobohan di negara yang lain. Ini bermakna, pengalaman di

Iraq merupakan suatu pengalaman yang begitu pahit buat Amerika Syarikat dan mereka tidak akan berani untuk mengulanginya. Jika mereka memasuki Iran, kesannya jauh lebih dahsyat dan lebih teruk daripada yang berlaku di Iraq. Ini kerana, Iran lebih bersatu-padu kerana majoriti penduduknya terdiri daripada pengikut Syiah yang mencatat 98 peratus, selain penganut Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah, Kristian dan Yahudi yang mencatat peratus yang kecil. Dalam soal mempertahankan Iran, penduduknya begitu bersatu, tanpa mengira sama ada ia daripada golongan dogmatik atau reformis. Penduduk Iran juga menganggap bahawa tindakan mengkaji sains nuklear sebagai hak mereka dan anggapan tersebut sememangnya benar. Jika ditinjau, sememangnya ada negara-negara di Asia dan Eropah yang juga menjalankan penyelidikan nuklear untuk tujuan pembekalan elektrik, kegiatan pertanian dan kegiatan-kegiatan lain yang penting serta dianggap sebagai keperluan.

Ini adalah yang dijadikan hujah oleh Iran bahawa ia bukanlah menggunakan tenaga nuklear untuk mencipta senjata dan bom tetapi sebaliknya untuk menyalurkan bekalan elektrik ke seluruh negara. Iran juga mengimport 40 peratus minyak walaupun ia menduduki tangga keempat pengeluaran minyak utama di dunia. Ini kerana, Iran mahu menyimpan minyak untuk generasi akan datang. Jika pun ia tidak menyimpan minyaknya, Iran masih terpaksa mengimport minyak kerana bekalan minyaknya tidak mencukupi. Jumlah penduduknya bertambah dan Iran terpaksa mengimport minyak dari luar untuk memastikan setiap pelosok negara termasuk kampung-kampung yang terpencil memperoleh bekalan elektrik.

Itulah sebabnya Iran mahu menghasilkan nuklear dan mengapa pula ia harus dinafikan hak ini sedangkan negara-negara lain memperoleh hak tersebut. Apakah alasan penafian hak ini yang sebenarnya? Alasan yang sebenar hanyalah kerana Israel tidak mahu negara-negara di rantau Timur Tengah mempunyai keupayaan untuk menghasilkan tenaga nuklear, terutamanya negara-negara yang tidak menganuti dasar Amerika Syarikat dan beranggapan bahawa kemerdekaannya harus

dipertahankan. Israel tidak mahu negara-negara ini menjadi kuasa ketenteraan dan memiliki kuasa nuklear. Bukti yang jelas ialah sebagaimana pada tahun 1981, Israel tanpa sebarang provokasi menghancurkan Osiraq (Osirak), sebuah tempat kajian nuklear di Iraq. Baginya, keselamatan Israel akan terjamin dan apa yang ditafsirkan sebagai keselamatan baginya ialah ia dapat menguasai Timur Tengah. Dengan kata-kata lain, jika ia dapat melemahkan kekuatan jiran-jirannya dan menguasai sepenuhnya Timur Tengah bermakna ia akan mencapai kemenangan. Jelas bahawa tafsiran keselamatan bagi Israel ialah atas dasar hegemoni atau penguasaan.

**VISI: Bagaimana dengan harapan mencapai keamanan sejagat dengan kemelut yang dihadapi di beberapa bahagian dunia?**

**Dr Chandra:** Keamanan dunia tidak akan tercapai jika wujud hegemoni, iaitu penguasaan. Apa yang dimaksudkan bukanlah penguasaan sebuah negara kecil atas negara yang lebih kecil tetapi penguasaan dunia oleh Washington serta konco-konconya seperti London, Tel Aviv dan beberapa buah negara lain. Ringkasnya juga, tiada keamanan tanpa keadilan. Jika kita mahu mencapai keamanan, ia harus berdasarkan luan-luan keadilan yang telah ditetapkan. Jika dirujuk kes Israel-Palestin, Israel mahu menyerahkan beberapa keping tanah di tempat-tempat tertentu kepada Palestin. Israel tidak mahu Palestin wujud sebagai sebuah negara yang kukuh dan merdeka. Israel sebaliknya mahu menyamakan Palestin dengan Batusta.

Pada zaman apartheid silam, rejim berkulit putih cuba mengaburi mata dunia dengan melaksanakan usaha mendirikan kawasan tertentu, khusus untuk masyarakat peribumi yang berkulit hitam. Kawasan-kawasan yang diberikan kepada masyarakat peribumi ini dikawal sepenuhnya dan ia tidak mempunyai kemudahan asas sama sekali. Malah, kawasan-kawasan ini begitu daif. Ini menunjukkan bahawa mereka seolah-olah mengiktiraf kemerdekaan masyarakat berkulit hitam namun hakikatnya hanya diketahui oleh masyarakat peribumi yang malang ini dan mereka terus

menyatakan penentangan. Apa yang dilakukan oleh Israel terhadap Palestin tidak begitu berbeza. Israel mahu supaya rakyat Palestin hidup terkepung dan terus bergantung pada kuasanya. Israel cuba mengaburi mata dunia, kononnya ia sudah memberikan kemerdekaan dan mengiktiraf kedaulatan Palestin. Apakah maknanya pengunduran dari Gaza, jika Israel terus menceroboh masuk ke kawasan rakyat Palestin pada bila-bila masa sahaja, menganas dan menindas rakyat Palestin selain terus melakukan apa sahaja dengan sesuka hati?

Apa maknanya jika Israel mengatakan bahawa ia telah berundur tetapi menempatkan pula tenteranya di sempadan Gaza dan terus menguasai Gaza? Gaza tidak mempunyai pelabuhan dan lapangan terbang, selain tiada pula kemudahan serta prasarana asas. Selain sekatan terhadap bantuan kepada Hamas, Israel juga bertindak kejam untuk tidak menyerahkan wang atau pendapatan rakyat Palestin daripada eksais kastam di sempadan yang berjumlah 50 juta dolar AS. Wang ini tidak mahu diserahkan kepada rakyat Palestin walhal ia sememangnya milik rakyat yang malang itu. Inilah salah satu unsur yang terkandung dalam Perjanjian Oslo yang menetapkan bahawa kutipan cukai terhadap eksais kastam Palestin dipegang oleh Israel. Justeru, hakikatnya Gaza masih dikawal oleh Israel. Pengunduran hampir 8,000 rakyat Israel yang diheboh-hebohkan melalui media hanyalah merupakan penipuan semata-mata. Tangisan dan keengganan mereka hanyalah sandiwara besar mereka yang cuba mengaburi mata dunia. Orang Yahudi yang berundur sebenarnya memperoleh ganti rugi beribu-ribu dolar AS dan diberikan kawasan-kawasan lain di Israel yang juga merupakan tanah asal Palestin.

Dari segi resolusi yang telah dicapai dan pelaksanaannya, Amerika Syarikat jelas tidak mahu menghormatinya. Meskipun semua negara menyokong resolusi yang adil dan memihak kepada Palestin, Amerika Syarikat akan menggunakan kuasa vetonya supaya resolusi tersebut tidak dapat dilaksanakan. Sejak tahun 1948, terdapat lebih kurang 60 resolusi yang memihak kepada Palestin,

misalnya dalam soal pelarian-pelariannya yang malang, kedudukan Baitul Maqdis, jenayah Israel yang kejam di Jenin dan jenayah di Deir (Dayr) Yasin pada tahun 1948 yang menyaksikan pembunuhan penduduk-penduduk kampung yang tidak berdosa. Resolusi demi resolusi dicapai, namun ia tidak dilaksanakan dan ini termasuklah resolusi 1996, berhubung dengan Qana, sebuah bandar kecil di Lubnan. PBB mempunyai pangkalan pasukan tentera pengamannya di bandar kecil ini untuk memantau apa yang berlaku di Lubnan dan Palestin. Israel menghancurkannya dan lebih 100 orang awam telah terbunuh. Namun, PBB tidak berani bertindak walaupun itu merupakan pangkalan pemantauan serta kawalannya.

Jika kita merujuk kepada sikap Amerika Syarikat dan negara-negara barat tertentu serta PBB sendiri, seolah-olah jelas bahawa Israel tidak terikat pada undang-undang antarabangsa. Pengaruh Israel atau Zionis dilihat begitu meluas dan mendalam terhadap Amerika Syarikat, sebagai kuasa besar dalam beberapa bidang seperti bidang politik, ekonomi, media, akademik atau intelek dan paling penting pengaruhnya dalam dunia hiburan – Hollywood dan sebagainya. Pengaruh Israel dalam bidang politik pula misalnya dapat dilihat pada usaha untuk memastikan bahawa ahli-ahli kongres atau senat memihak kepada Israel. Salah satu caranya adalah dengan menggunakan wang bagi membantu calon-calon yang memihak kepadanya dalam kempen-kempen bagi memenangi pilihan raya. Demikianlah sebaliknya, jika seseorang didapati menunjukkan ciri-ciri yang tidak disenangi oleh Israel, maka individu tersebut akan dipastikan gagal dalam pilihan raya.

Ini sebagaimana yang berlaku pada Paul Findley, penulis buku, *They Dare to Speak Out: People and Institutions Confront Israel's Lobby* yang kini berusia 85 tahun dan bekas ahli kongres Amerika Syarikat yang telah berkhidmat selama 21 tahun. Semasa menjadi ahli kongres, Findley melakukan satu lawatan ke Timur Tengah. Buat kali pertama, beliau menyedari tentang apa yang berlaku

atas rakyat Palestin dan sebagai seorang insan yang ikhlas serta berperikemanusiaan, beliau merasakan bahawa itu merupakan sesuatu yang tidak harus diterima. Beliau juga mahu supaya Amerika Syarikat mengubah dasarnya. Perubahan dasar ini tidak

### **PENGARUH ISRAEL** atau **ZIONIS** dilihat

begitu meluas dan mendalam terhadap Amerika Syarikat, sebagai kuasa besar dalam beberapa bidang seperti bidang politik, ekonomi, media, akademik atau intelek dan paling penting pengaruhnya dalam dunia hiburan – Hollywood dan sebagainya. Pengaruh Israel dalam bidang politik pula misalnya dapat dilihat pada usaha untuk memastikan bahawa ahli-ahli kongres atau senat memihak kepada Israel.

bererti beliau mahu supaya Israel dihapuskan tetapi sebaliknya beliau hanya mahu Palestin diiktiraf sebagai sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka.

Ketika berada di Timur Tengah itu juga, iaitu pada tahun 1980-an, Findley bertemu dengan Almarhum Yasser Arafat dan ketika itu, Yasser Arafat merupakan pemimpin The Palestinian Authority (PA). Disebabkan Findley bertemu dengan Yasser Arafat yang dianggap sebagai pengganas oleh Zionis, mereka sama sekali tidak boleh menerimanya. Lalu mereka mengadakan kempen dan dalam pilihan raya yang diadakan selepas itu, Paul Findley yang menjadi ahli kongres selama 21 tahun yang mewakili Illinois, akhirnya tewas. Semuanya hanyalah kerana beliau dikatakan bersikap pro-Palestin dan sebaliknya anti-Yahudi atau antisemitik. Selain pengaruh yang begitu kuat terhadap kongres, Zionis juga mempunyai pemilikan yang besar dalam bidang ekonomi, khususnya bank-bank besar. Malah mereka juga memiliki akhbar-akhbar utama yang memudahkan mereka menyebarkan pengaruh.

Walaupun penduduk Yahudi hanya berjumlah enam juta orang daripada keseluruhan jumlah 285 juta penduduk Amerika Syarikat dan jika

dibandingkan dengan jumlah umat Islam juga yang lebih besar daripada mereka, iaitu hampir lapan juta tetapi pengaruh Zionis begitu kuat kerana mereka melakukan setiap perancangan berasaskan strategi yang berkesan.

**VISI:** Apakah komen Dr tentang krisis yang berlaku antara Fatah dan Hamas selain pandangan yang diberikan oleh YAB Perdana Menteri supaya mereka mencontohi Malaysia?

**Dr Chandra:** Krisis dan persengketaan yang berlaku itu sememangnya menyedihkan dan puncanya ialah sikap Fatah yang tidak menerima hakikat kemenangan Hamas. Mahmud Abbas ialah presiden yang dipilih oleh rakyat Palestin dan beliau mempunyai kuasa sebagaimana yang digariskan dengan jelas dalam Piagam Pihak Berkuasa Palestin (PA). Parlimen pula dikuasai oleh Hamas, iaitu setelah pilihan raya pada Januari yang lalu dan kuasanya juga jelas. Walau bagaimanapun, Fatah, parti Almarhum Yasser Arafat yang menyokong Abbas tidak dapat menerima kemenangan Hamas. Itulah sebabnya mereka melakukan kerosakan pada infrastruktur dan bangunan Hamas, selain melakukan pelbagai insiden bagi menimbulkan huru-hara.

Seharusnya, Fatah menerima kenyataan bahawa ia telah kalah dan ada parti lain yang memerintah. Mungkin dalam aspek tersebut, Malaysia boleh dijadikan sebagai contoh. Misalnya pembangkang memenangi pilihan raya di Kelantan pada tahun 1959 dan beberapa kali lagi pada tahun 1978 dan 1990. Rakyat Kelantan dan keseluruhan masyarakat negara ini boleh menerimanya dengan hati yang terbuka. Demikian juga kemenangan Parti Gerakan di Pulau Pinang yang sebelumnya merupakan parti pembangkang, juga dapat diterima. Kesimpulannya, mungkin peralihan kuasa boleh dijadikan sebagai satu contoh dan iktibar.

Fatah harus memberikan sokongan kepada Hamas kerana Hamas memenangi pilihan raya. Hamas juga perlu memberikan sokongan kepada Abbas kerana Abbas memenangi pilihan raya presiden dan ini berbeza dengan pilihan raya parlimen. Jelas, kedua-dua pihak mencapai

kemenangan dan mempunyai bidang kuasa. Sememangnya ada usaha untuk mendamaikan kedua-dua pihak dan masing-masing berusaha memainkan peranan, malah mereka juga cuba mencapai kompromi. Hamas memiliki pendirian bahawa soal pengiktirafan harus diselesaikan kemudian. Bagi Hamas, Israel sebagai penceroboh dan kuasa yang menduduki wilayah orang lain, harus mengambil langkah pertama, iaitu berundur dari Tebing Barat dan Gaza secara ikhlas. Sekiranya Israel sanggup berundur, Hamas sedia berbincang. Pendirian Hamas jelas adil. Kita dapat melihat beberapa persoalan di sini. Mengapakah mangsa yang selalu ditindas, diminta supaya berkompromi dan mengiktiraf pihak yang menindasnya?

Jika kita mahu menggunakan analogi kecurian umpamanya, mengapakah pencuri yang mencuri atau melakukan rompakan selain menceroboh tidak diambil tindakan tetapi mangsa kecurian pula yang diminta supaya tidak membuat aduan polis serta harus mengiktiraf pencuri. Kenapa kita perlu menjadikan mangsa sebagai sasaran? Inilah sikap yang tidak boleh diterima sama sekali. Inilah juga politik kuasa-kuasa besar barat yang sentiasa bersikap hipokrit dan tidak berlaku adil. Mangsa sentiasa dijadikan sasaran, walhal penceroboh yang menimbulkan masalah dan melakukan jenayah serta kezaliman.

**VISI:** Apakah pandangan Dr tentang masa hadapan bagi usaha serta inisiatif keamanan dunia?

**Dr Chandra:** Ini dapat dilihat pada pendekatan dan kesedaran tentang keamanan dunia oleh masyarakat antarabangsa yang ternyata jauh lebih baik dari dahulu. Bukti yang paling kukuh ialah apa yang berlaku beberapa minggu sebelum meletusnya Perang Iraq. Demonstrasi besar-besaran berlaku di seluruh dunia dan ia disifatkan oleh pengkaji-pengkaji sebagai bantahan warga dunia terhadap perang, yang paling hebat dalam sejarah serta belum pernah berlaku dalam sejarah manusia. Berbanding dengan Vietnam, bantahan hanya berlaku selepas berlakunya perang dan penguasaan Amerika Syarikat atas Vietnam. Namun, bagi

Sebagaimana yang telah dijelaskan, demonstrasi-demonstrasi yang diadakan di barat menunjukkan sebahagian besar rakyatnya menentang Perang Iraq. Ini juga memberi makna bahawa yang mahu menguasai Iraq hanyalah mereka yang berpengaruh, iaitu elit-elit tertentu kerana mereka memiliki pengaruh yang besar dalam media dan politik misalnya.

perang di Iraq, bantahan ditunjukkan sebelum tembakan pertama lagi. Sebagai contoh di bandar raya London sahaja, hampir dua juta orang berhimpun untuk menentang perang. Demikian juga di Rom, jumlah yang sama juga berhimpun menyatakan bantahan dan di seluruh dunia pula, sama ada secara langsung atau tidak langsung, hampir-hampir 50 juta orang mengambil tindakan yang sama. Ini bermakna, mereka tidak boleh menerima peperangan kerana mereka mengetahui bahawa ia tidak adil dan sekiranya Amerika Syarikat merancang satu lagi peperangan di Iran, mungkin bantahannya lebih hebat lagi.

Ini menunjukkan bahawa pergerakan keamanan dalam perjuangannya telah mencapai tahap lebih meyakinkan dan lebih matang. Inilah juga yang memberi harapan kepada manusia umumnya, bukan untuk umat Islam semata-mata tetapi perjuangan untuk manusia seluruhnya. Usah dilupa bahawa sebahagian insan yang menentang Perang Iraq ialah bukan Islam. Dengan kata-kata lain, hampir 97 peratus penduduk Iraq merupakan umat Islam tetapi yang terlibat dalam protes, demonstrasi, menulis surat bantahan, mengadakan perarakan lilin dan sebagainya ialah bukan Islam, terutamanya di barat. Akan tetapi, di negara-negara Islam tertentu walaupun warga negara mereka memikirkan bahawa mereka mesti membantah tetapi pemimpin-pemimpin negara-negara terbabit tidak mengambil sebarang tindakan. Rejim yang memerintah tidak membenarkan supaya demonstrasi diadakan. Sebagaimana di Mesir, meskipun demonstrasi-demonstrasi yang kecil diadakan tetapi pemerintah mengawalinya kerana berasa bimbang sekiranya ia dibenarkan, mungkin akan timbul ancaman terhadap Presiden.

**VISI:** Adakah abad ke-21 merupakan kemuncak bagi pertembungan tamadun?

**Dr. Chandra:** Jika kita menganggapnya sedemikian bermakna tamadun barat secara keseluruhannya dan semua lapisan masyarakat barat berada pada satu pihak. Lalu ia bertembung dengan masyarakat Islam yang berada pada pihak yang lain. Dari segi fakta dan bukti

empirikal, ini tidak tepat. Sebagaimana yang telah dijelaskan, demonstrasi-demonstrasi yang diadakan di barat menunjukkan sebahagian besar rakyatnya menentang Perang Iraq. Ini juga memberi makna bahawa yang mahu menguasai Iraq hanyalah mereka yang berpengaruh, iaitu elit-elit tertentu kerana mereka memiliki pengaruh yang besar dalam media dan politik misalnya. Sebaliknya, jika kita melihat dunia Islam, rakyatnya memang menentang segala bentuk penguasaan serta ketidakadilan di Palestin, Iraq dan sebagainya. Apa yang dilakukan oleh golongan elit barat, iaitu penguasaan terhadap negara-negara Islam tertentu hanya dapat dilakukan kerana wujudnya golongan atau kumpulan elit Muslim yang bersubahat dengan mereka. Ini memberi erti, di kalangan umat Islam, ada elit-elit tertentu yang sama-sama bersekongkol dengan elit-elit di barat untuk menguasai negara-negara Islam.

Apakah buktinya? Sebagai contoh, Perang Iraq, adakah ia benar-benar dapat dilaksanakan sekiranya tidak wujud kerjasama daripada pemimpin-pemimpin Islam? Tentera yang menyerang Iraq bukanlah datang dari Amerika Syarikat, sebaliknya tenteranya bergerak dari Qatar, Bahrain, Saudi serta Kuwait. Amerika Syarikat menempatkan tenteranya di semua negara ini sebagai lokasi pergerakan tenteranya. Amerika Syarikat juga sebenarnya cuba mendapatkan persetujuan daripada Turki untuk melakukan serangan udara tetapi gagal, bukan kerana kepemimpinannya tetapi kerana rakyat Turki yang bangun menentang. Turki merupakan sebuah negara yang demokrasi dan rakyatnya memiliki kebebasan untuk menyatakan pandangan serta bantahan mereka. Jelas bahawa perang di Iraq

berlangsung berasaskan kerjasama daripada sebahagian besar negara elit Islam namun bukan semuanya. Pihak yang menentang perang itu pula ialah sebahagian besar daripada rakyat Islam dan juga rakyat di barat. Ini bukanlah pertembungan tamadun kerana jika ia berlaku, sudah pasti semua lapisan akan terlibat. Kenyataannya tidak, kerana ia berasaskan kepentingan pihak-pihak tertentu yang mahu menguasai dunia dan disokong pula oleh kumpulan-kumpulan tertentu di dunia Islam. Apa yang lebih harus difahami ialah masalah hegemoni, iaitu penguasaan elit barat yang mahu menguasai dunia dan ia bermula dengan Timur Tengah. Ini kerana, Timur Tengah merupakan kawasan yang paling penting bagi bekalan minyak dan di situlah juga letaknya kawasan bagi negara yang dinamai Israel. Itulah sebabnya Amerika Syarikat mahu menguasai Timur Tengah; demi kepentingan Israel dan bekalan minyak mereka.

**VISI:** Wujudkan kemungkinan bahawa Amerika Syarikat akan keluar meninggalkan Iraq?

**Dr Chandra:** Amerika Syarikat berkemungkinan besar mengundurkan tenteranya namun pengaruhnya tetap ada disebabkan bekalan minyak. Selain minyak, air juga menjadi sumber yang dijadikan sasaran. Jika dikaji arah aliran masa hadapan, air mungkin menjadi satu lagi punca peperangan. Dalam tempoh 30-40 tahun akan datang, peperangan akan menjadi lebih dahsyat kerana air merupakan asas dan sumber kehidupan. Bagaimana pula persoalan air ini berkaitan dengan Iraq? Iraq ialah sebuah kawasan yang kaya dengan sumber air, iaitu dua buah sungainya yang paling besar; Sungai Euphrates dan Tigris. Israel pula sebuah negara yang paling daif dalam soal air. Israel

tidak memiliki sumber air dan disebabkan itulah ia mengadakan perjanjian air dengan Turki selama 20 tahun, iaitu pada zaman pemerintahan tentera dahulu. Jelaslah mengapa Israel begitu mengharap air daripada Iraq.

**VISI:** Apakah pandangan Dr tentang kelebihan yang dikurniakan oleh Allah kepada negara-negara Islam seperti kekayaan dari aspek hasil bumi termasuklah galian tetapi gagal dimanfaatkan sebaik-baiknya?

**Dr Chandra:** Meskipun negara Islam memiliki sedemikian banyak kelebihan yang dianugerahkan oleh Allah seperti minyak dan air, namun mereka menunjukkan bahawa merekalah bangsa yang paling rendah akhlak serta budi. Ini khususnya dapat



Gambar hiasan

dilihat pada sikap pemimpin-pemimpinnya yang tidak jujur dan ikhlas, tidak berpegang pada amanah, mengetepikan kepentingan rakyat, mengamalkan rasuah, hanya mementingkan takhta dan sebagainya. Disebabkan itulah, umat Islam umumnya hidup menderita lagi sengsara dan penderitaan ini pula seakan tiada noktahnya. ☹